

17 JUL 2001

Mara-pelajar

NAZRI SETUJU AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ DIKAJI

KOTA KINABALU, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata beliau bersetuju dengan cadangan untuk mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) kerana langkah itu dapat menjamin pelajar dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Katanya pelajar harus menumpukan perhatian kepada pengajian mereka dan bukan kepada aktiviti politik dan Mara tidak akan teragak-agak mengambil tindakan seperti menghentikan tajaan mereka terhadap pelajar yang terlibat dalam aktiviti itu.

"Tanggungjawab pelajar adalah belajar dan ini bukan masanya mereka cuba membela nasib rakyat," katanya selepas majlis penyampaian cek bantuan pendahuluan pinjaman dan tiket penerbangan di sini hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji AUKU sama ada perlu dipinda peraturan bagi memastikan pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Mohamed Nazri berkata para pelajar tidak kebal daripada sebarang tindakan undang-undang sekiranya mereka melanggar undang-undang negara.

Mohamed Nazri juga berkata Mara telah menggantung tajaan seorang pelajar institut pengajian tinggi awam yang baru-baru ini ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Penggantungan itu merupakan kes pertama yang membabitkan pelajar tajaan Mara, katanya.

Mengenai rancangan menaja pelajar ke luar negara, beliau berkata pada tahun ini Mara diberi kelulusan untuk menghantar sehingga 400 orang pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Mara juga akan memohon peruntukan yang lebih daripada Perbendaharaan bagi membolehkannya menaja lebih ramai pelajar ke luar negara, katanya.

-- BERNAMA

HAK AKD